

BAHASA MELAYU, KELEBIHANNYA DAN KEKURANGANNYA

OLEH: ZA'BA

(IV)

6- Bahasa Indonesia

“...Tentang bersatu ini tidaklah ada apa jua sekatan yang akan boleh menghalang di antara dua pihak yang telah bercerai ini daripada bertampun semula pada kesudahan-kesudahannya, dalam hal bahasa seperti dalam hal lain-lain juga. Persatuan itu adalah datang dengan tetapnya serta dengan tentunya sungguhpun barangkali dengan perlahan; tetapi persatuan bahasa itulah permulaannya yang akan membawa kepada persatuan yang lain-lain”. Kata Tuan Za'ba dalam huraian ini ini tatkala membayangkan bahawa Bahasa Melayu Semenanjung dan Bahasa Melayu Indonesia lambat sangat akan bersatu dan menjadi satu- P.Q.

Di tanah Jawa, di Sumatera, dan lain-lain bahagian Indonesia umumnya bahasa Melayu itu disebut “Bahasa Indonesia”. Pada perkara ini Dr Darius yang tersebut dahulu berkata demikian:

“Sebagaimana yang telah diterangkan sebab-sebab dan hujahnya oleh seorang daripada juaranya yang terhandal sekali menyokong nama itu, adalah perbezaan di antara bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia itu bukannya suatu perkara yang termasuk dalam kawasan ilmu pengajian bahasa-bahasa. “Bahasa Indonesia” itu bukannya suatu bahasa yang lain daripada bahasa Melayu, bahkan tidak lain tidak bukan ialah bahasa Melayu juga sungguhpun di antara keduanya itu ada suatu rongga pencarian yang bertambah lebar. “Bahasa Indonesia” itu boleh dikata bahasa Melayu yang dipandang dari suatu segi pemandangan yang tegas dan nyata mengikut perasaan hati orang Indonesia

perbezaan di antara dua itu terletak pertama-tama sekali pada semangat dan makna batin yang terzahir sendirinya pada kedua nama itu. Perkataan “Bahasa Melayu” itu pada perasaan ahli Kebangsaan Indonesia adalah membawa makna pendirian suatu puak yang khas dan sempit yang sekarang sudah lampau masanya. Dari sekarang mereka tidak mahu dikira berpuak-puak dan berasing-asing lagi; oleh itu sebagaimana segala puak mereka yang bersatu itu mesti dinamakan “Bangsa Indonesia” maka bahasa yang menyatukan mereka itu pun hendaklah pula dinamakan “Bahasa Indonesia”, supaya ia jadi suatu alamat dan cogan mengisytarkan tujuan-tujuan tinggi yang sekarang dipegang bersama oleh segala anggota yang bersatu itu- iaitu tujuan-tujuan mulia yang terlembaga di dalam seruan silang tiga “satu nusa (negeri), satu bangsa dan satu bahasa”. Tujuan-tujuan seruan ini telah

terima dengan sebulat suara dalam lingkungan ahli-ahli kebangsaan semenjak tahun 1930.

Maka sangatlah silapnya jika kita fikirkan bahawa tujuan-tujuan ini terhad kepada kebangsaan yang berwujud di atas politik sahaja. Pahlawan-pahlawan penyokong yang terlebih bijak, terlebih sedar dan terlebih kuat sekali menyokong pendirian menamakan “Bahasa Indonesia” ini adalah didapati di antara orang yang mengembangkan fikiran ini bukannya kerana mengirakan kebangsaan jenis politik semata-mata. Fahaman akan bangsa Indonesia yang akan datang tidaklah terhad kepada kesatuan politik sahaja melainkan lebih luas berganda-ganda dan lebih meliputi, kerana iaitu ialah fahaman yang mengirakan bangsa Indonesia itu suatu bangsa yang telah penuh besar dan telah tinggi tamadunnya. Dapat bercampur bersama-sama di dalam perjumpaan dan perhubungan semangat antara bangsa-bangsa dan memberi sumbangannya bagi menyuburkan kebudayaan kaum manusia mengikut tabiat dan kebolehnya sendiri. Pendeknya samalah betul-betul seperti tujuan cita-cita yang kita sekalian pelihara dan galakkan dengan sayang terhadap bangsa kita sendiri. Maka bagi menuturkan kebudayaan baharu ini “Bahasa Indonesia”lah akan jadi wasitah dan perkakasnyalah. (Perkataan ini telah ditulis sebelum Indonesia mendapat kemerdekaannya).

Dari segi pandangan orang Melayu di Tanah Melayu tentulah ada perbezaan di antara bahasa Melayu Semenanjung dengan bahasa Melayu Indonesia itu- barangkali lebih jauh bezanya daripada perbezaan di antara bahasa Inggeris negeri England dengan bahasa Inggeris negeri Amerika Syarikat. Tetapi jika dipandang dari segi yang lebih luas adalah keduanya bahasa Melayu dan “bahasa Indonesia” itu satu jua: Ada tak selisihnya hanya terhad kepada ramuan yang menjadikan kumpulan perkataannya masing-masing itu pada beberapa rangkai kata

yang khas terpakai di dalamnya masing-masing, pada beberapa bentuk perbahasan dan cara pembahasannya, dan pada bunyi sebutan apabila menuturkannya. Sekalian perselisihan itu hanyalah perselisihan yang biasa terjadi disebabkan berlainan negeri dan berjarak jauh dan berlainan keadaan halnya dan perkelingannya, sebagaimana yang terjadi di antara bahasa-bahasa kepelatan berlain-lainan negeri dalam Semenanjung ini sahaja pun.

Maka bukanlah sekaliannya itu perselisihan atau perbezaan yang penting dan umbi. Oleh itu dengan segera juga ia beransur-ansur kalah dan hilang atau sekurang-kurangnya beransur-ansur dijadikan licin dari kedua pihak oleh pertukaran yang tiada putus-putus tentang surat khabar- surat khabar dan majalah-majalah; oleh perhubungan dan wasitah piring-piring peti nyanyi-nyanyi dan hidangan radio yang sentiasa dengar mendengar antara kedua pihak itu; oleh perjumpaan dan beramah-ramahan yang selalu berlaku di antara orang-orang kedua pihak; dan akhirnya oleh keinginan yang saling dirasa oleh kedua pihak hendak bersatu pada hampir-hampir semua perkara, jika tiada pun bersatu pada kesemua perkara sekali. Maka tentang bersatu ini tidaklah ada apa-apa jua suatu sekatan yang akan boleh menghalang di antara dua pihak yang telah bercerai daripada bertampun semula pada kesudahan-kesudahannya, dalam hal bahasa seperti dalam hal lain-lain juga. Persatuan itu adalah datang dengan tetapnya serta dengan tentunya sungguhpun barangkali dengan perlahan; tetapi persatuan bahasa itulah permulaannya yang akan membawa kepada persatuan yang lain-lain.”

*

(Dalam keluaran akan datang, Tuan Za‘ba akan menghuraikan soal ejaan. Huraianya yang berharga itu di bawah tajuk: “Kaedah ejaan wajib disatukan”

-P.Q.)